



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM) CAWANGAN KELANTAN

**MODUL KOLEKSI ITEM
PERCUBAAN SPM
2024**

**BAHASA MELAYU
KERTAS 1**

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

**SKEMA
PEMARKAHAN**

Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan
[30 markah] KRITERIA
PENSKORAN

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|-----------|-----------------------------------|--|
| Cemerlang | 26 – 30 (28 – 30) (26 – 27) | <p>Tema / Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> Karangan menepati tema bahan rangsangan / tugas <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> Idea relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas Huraian jelas dan matang <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat Penggunaan kosa kata luas dan tepat Unsur bahasa yang digunakan bervariasi Penggunaan *ungkapan menarik yang sesuai dan tepat. Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengolahan menarik dan berkesan Laras bahasa sesuai mengikut tugas Wacana lengkap Pemerengganan sesuai <p>*Ungkapan menarik : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.</p> |
| Kepujian | 20 – 25 (23 – 25) (20 – 22) | <p>Tema / Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> Karangan menepati tema bahan rangsangan / tugas <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> Idea relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas Huraian jelas. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat Penggunaan kosa kata luas. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengolahan menarik. Laras bahasa sesuai mengikut tugas Wacana lengkap Pemerengganan sesuai |

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|--------------------|-----------------------------------|--|
| Memuaskan | 15 – 19 (17 – 19) (15 – 16) | <p>Tema / Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> Karangan masih menepati tema bahan rangsangan / tugasan <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan / tugasan Huraian masih jelas. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat Penggunaan kosa kata masih luas / terhad. Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengolahan masih menarik. Laras bahasa masih sesuai mengikut tugasan Wacana masih lengkap Pemerengganan masih sesuai |
| Penguasaan Minimum | 10 – 14 (12 – 14) (10 – 11) | <p>Tema / Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan / tugasan <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan / tugasan Huraian kurang jelas. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Penggunaan kosa kata terhad. Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengolahan kurang menarik. Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugasan Wacana kurang lengkap Pemerengganan kurang sesuai |

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|---|-----------------------------|--|
| Tidak mencapai tahap penguasaan minimum | 1 – 9 (6 – 9) (1 – 5) | <ul style="list-style-type: none"> Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. Idea tidak menepati tema bahan rangsangan / tugas. Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. |

Bahagian B : Karangan Respons Terbuka
[70 markah]

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|-----------|-----------------------------------|---|
| Cemerlang | 64 – 70 (68 – 70) (64 – 67) | <p>Tema / Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan menjawab tugas <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea relevan mengikut tugas • Huraian jelas dan matang • Contoh yang sesuai <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat • Penggunaan kosa kata luas dan tepat • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Penggunaan unsur bahasa bervariasi. • Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan menarik seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan sangat menarik dan berkesan • Pemerengganan yang sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas. |
| Kepujian | 55 – 63 (59 – 63) (55 – 58) | <p>Tema / Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan menjawab tugas <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea relevan mengikut tugas • Huraian jelas. • Contoh yang sesuai <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan menarik seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan menarik dan berkesan • Pemerengganan yang sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas. |

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|-----------|-----------------------------------|--|
| BAIK | 45 – 54 (50 – 54) (45 – 49) | <p>Tema / Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> Karangan masih menjawab tugas <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> Idea masih relevan mengikut tugas Huraian masih jelas. Contoh masih sesuai <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai. Penggunaan kosa kata umum. Ejaan dan tanda baca masih betul. Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengolahan masih menarik. Pemerengganan masih sesuai. Wacana masih lengkap. Laras bahasa sesuai mengikut tugas. |
| MEMUASKAN | 35 – 44 (40 – 44) (35 – 39) | <p>Tema / Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> Karangan masih / kurang menjawab tugas <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> Idea masih relevan mengikut tugas Huraian kurang jelas. Contoh kurang sesuai <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> Ayat kurang gramatis. Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad. Penggunaan kosa kata umum dan terhad. Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengolahan kurang menarik. Pemerengganan kurang sesuai. Wacana masih / kurang lengkap. Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas. |

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|---|-----------------------------------|---|
| Penguasaan minimum | 21 – 34 (28 – 34) (21 – 27) | <p>Tema / Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> Karangan kurang menjawab tugas <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> Idea masih relevan mengikut tugas / bercampur aduk Huraian tidak jelas / tidak berkembang Contoh yang tidak sesuai <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> Ayat yang tidak gramatis tetapi masih difahami. Penggunaan kata kurang tepat. Penggunaan kosa kata umum dan terhad. Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. Penggunaan unsur bahasa tidak bervariasi. Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengolahan tidak menarik. Pemerengganan tidak sesuai / tidak seimbang. Wacana tidak lengkap. |
| Tidak mencapai tahap penguasaan minimum | 1 – 20 (11 – 20) (1 – 10) | <ul style="list-style-type: none"> Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami Idea tidak relevan / bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang serta contoh tidak sesuai. Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. Pengolahan tidak menarik. Pemerengganan tidak sesuai dan tidak seimbang. Wacana tidak lengkap. |

SOALAN BAHAGIAN A (30 MARKAH)

1. Format penulisan komen :

- T - menepati tema**
- I - relevan, huraian jelas dan matang**
- B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas**
- P - sangat menarik dan berkesan**

Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan permainan tradisional

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang usaha-usaha mempopularkan permainan tradisional.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

2. Kehendak / tugas soalan : (Tugasan khusus – bahan umum) :

- i. Murid dikehendaki menghuraikan usaha-usaha/cara-cara/langkah-langkah mempopularkan permainan tradisional..
- ii. Murid dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan iaitu :
 - menubuhkan/menyertai kelab permainan tradisional
 - Mengadakan/menggiatkan kempen
- iii. Murid tidak boleh menambah idea lain dan mesti **menyentuh semua bahan**.
- iv. Murid yang menulis **melebihi 201 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir** – **maksimum** peringkat **KEPUJIAN**,
- v. Murid menulis **kurang daripada 149 patah perkataan** - **maksimum** peringkat **MEMUASKAN**.
- vi. **Murid menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM).**

BAHAGIAN B
[70 markah]

SOALAN BAHAGIAN B (70 MARKAH).

1. Format penulisan komen :

- T – menjawab tugas**
- I – relevan, huraian jelas, & matang**
- B – gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat**
- P – menarik dan berkesan**

1.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), ketidaktentuan ekonomi negara dan situasi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) telah menyebabkan kebanyakan masyarakat menghadapi tekanan atau stres dalam kehidupan terutamanya golongan remaja dan belia. Umumnya, tahap stres yang dihadapi oleh seseorang berbeza-beza mengikut beban tekanan yang dihadapi. Oleh itu, aktiviti riadah seperti bersenam dan bersukan merupakan salah satu cara yang dapat dilakukan oleh individu untuk menangani tekanan atau stres.

Dipetik dan diubah suai daripada:
Sumber Internet.

Huraikan cara yang terdapat dalam petikan di atas berserta cara-cara lain untuk menangani masalah tersebut.

Kehendak / tugasan soalan

Murid dikehendaki menghuraikan **cara menangani tekanan atau stres yang terdapat dalam petikan berserta cara-cara lain** iaitu :

- melakukan aktiviti riadah/rekreasi (**Idea dalam petikan**)
- beribadat kepada Tuhan,
- berjumpa dengan kaunselor
- berkongsi masalah dengan rakan

(Terima idea-idea lain yang sesuai)

2.

Masalah disiplin dalam kalangan murid seperti buli, ponteng sekolah dan vandalisme semakin hangat diperkatakan oleh masyarakat dan juga terpampang di dada-dada akhbar hampir setiap hari. Kurangnya kasih sayang ibu bapa terhadap anak-anak dikenal pasti sebagai faktor pada masalah ini. Selain itu, pengaruh rakan sebaya, dan ditambah pula oleh unsur negatif yang disalurkan melalui media massa.

Dipetik dan diubah suai daripada:
Sumber Internet.

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan faktor-faktor berlakunya masalah tersebut.

Kehendak / tugasan soalan

Murid dikehendaki menghuraikan **faktor-faktor yang terdapat dalam petikan sahaja** iaitu :

- Kurangnya kasih sayang ibu bapa terhadap anak-anak
- pengaruh rakan sebaya,
- unsur negatif yang disalurkan melalui media massa

3.

LABUAN – Masyarakat diingatkan agar tidak melupakan jasa dan pengorbanan tokoh-tokoh negara dalam membina negara bangsa yang berjaya. Pengurus Perbadanan Labuan, Datuk Seri Amir Hussien berkata, di sebalik kenikmatan yang dirasai sebagai rakyat yang bernaung di bawah negara yang bebas, sudah pasti terdapat tokoh-tokoh yang berjuang bermati-matian bagi mendapatkan kemerdekaan daripada penjajah. Oleh yang demikian usaha daripada pelbagai pihak amat penting bagi menghargai mereka yang banyak berjasa ini.

Dipetik dan diubah suai :
<https://www.wilayahku.com.my/>

Sebagai respons terhadap petikan di atas, huraikan usaha-usaha tersebut.

Kehendak / tugasan soalan

Murid dikehendaki **menghuraikan usaha – usaha pelbagai pihak untuk menghargai jasa tokoh negara.**

Cadangan jawapan iaitu :

- | | |
|-------------|--|
| Individu | - menjadikan tokoh-tokoh kemerdekaan/negara sebagai idola |
| Kerajaan | - menamakan bangunan atau jalan dengan nama tokoh |
| | - Sambutan Hari Pahlawan – anugerah kepada anggota keselamatan |
| Media massa | - menayangkan/menerbitkan filem perjuangan tokoh-tokoh seperti filem Mat Kilau, Leftenan Muda Adnan. |
| | - Menerbitkan buku/novel |
| Sekolah | - Mengadakan |
- **Calon dikehendaki menghuraikan sekurang-kurangnya dua pihak.**

4. Setiap pekerjaan yang ditawarkan terpaksa melalui proses temu duga. Persiapan yang lengkap amat penting bagi menjamin kelancaran individu semasa temu duga. Tanpa persiapan yang lengkap, anda mungkin akan mengalami gugup dan tidak yakin pada diri sendiri serta gagal untuk mendapatkan pekerjaan tersebut. Oleh yang demikian seseorang perlu memastikan persiapan-persiapan lengkap untuk menghadapi temu duga.

Dipetik dan diubah suai :
Sumber Internet

Berdasarkan petikan di atas,uraikan persiapan-persiapan tersebut.

Kehendak / tugasasn soalan

1. Murid dikehendaki menghuraikan persiapan-persiapan untuk / semasa temu duga

Cadangan jawapan

- Sampai awal di tempat temuduga
- Pengetahuan mengenai kerja yang dipohon – membuat kajian
- Penampilan diri – kekemasan diri - menyiapkan pakaian untuk temuduga yang betul dan sesuai
- menyemak semua bahan,peralatan dan folder yang mengandungi sijil dan dokumen penting agar tiada yang tertinggal.
- Komunikasi yang jelas dan tenang
- Tidur yang Mencukupi

(Idea-idea lain yang sesuai diterima)

PERINGATAN

- Jika calon menulis dalam bentuk **poin – maksimum peringkat TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**
- **Bilangan perkataan 501 dan ke atas – maksimum peringkat KEPUJIAN**
- **Bilangan perkataan 349 dan ke bawah – maksimum peringkat BAIK**

Perkataan yang dikira sebagai satu patah perkataan :

1. Puisi
2. Alamat
3. Tarikh
4. Nama khas
5. Peribahasa
6. Maksud Hadis / Al-Quran / Kata-kata Tokoh
7. Penanda wacana
8. Tajuk (rencana / surat)
9. Kata Sendi ‘di ... (rumah)’ dan ‘ke... (sana)’
10. Angka

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT